

26 NOV 1999

Mahathir-Mirzan

MAHATHIR NAFI DAKWAAN HAKAKAH MIRZAN MILIKI 95 SYARIKAT

PASIR MAS, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan laporan Harakah milik PAS yang mendakwa kononnya anaknya Mirzan memiliki 95 syarikat.

"Ya...memang 95 syarikat terdapat dalam pendaftar syarikat...tetapi (di) kebanyakan daripada syarikat ini anak saya jadi pengarah yang tak bergaji," kata Perdana Menteri.

Ketika berucap merasmikan peletakan batu asas jambatan ketiga Kelantan antara Tendong dengan Wakaf Che Yeh, hari ini, beliau berkata, Harakah dalam keluaran 15 Nov kononnya membongkar senarai syarikat kepunyaan Mirzan dan menyenaraikan 95 syarikat itu.

Beliau berkata oleh kerana anaknya terlatih dalam bidang pengurusan, lulus daripada Universiti Pennsylvania, Amerika Syarikat, maka dia kerap kali diminta supaya menjadi pengarah percuma tanpa dibayar gaji.

"Cuma kadang-kadang adalah juga elaun mesyuarat dan sebagainya...dia tak ada barang satu sen pun saham dalam syarikat ini," katanya sambil menegaskan bahawa syarikat-syarikat yang disenaraikan oleh Harakah itu bukan syarikat milik Mirzan tetapi milik pihak lain seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Khazanah Holdings.

Dr Mahathir berkata PAS bercakap seolah-olah Mirzan yang memiliki 95 syarikat itu dan kalau dibaca oleh orang yang tidak tahu, mereka akan mudah percaya banyaknya syarikat milik Mirzan, tambah lagi dicatatkan juga bahawa syarikat-syarikat itu sah sehingga tahun 1998.

"Sekiranya Mirzan menerima (RM) 10,000 sebagai elaun bulanan dari setiap syarikat, maka pendapatan bulanan daripada elaun sahaja ialah RM950,000...dekat satu juta setiap bulan.

"Ini fitnah. Dia (Mirzan) cuma beri khidmat bakti untuk menolong syarikat-syarikat milik kerajaan, PNB dan lain-lain. Lainlah kalau Mirzan menjadi pengarah eksekutif yang dibayar gaji," katanya.

Daripada senarai itu, katanya, Mirzan hanya dicatatkan sebagai pengurus dalam tiga syarikat sahaja iaitu Dataprep Holdings Berhad dan Solsis (M) Sdn Bhd dan Solsisnet Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata bagi PAS mempamerkan senarai itu sudah cukup baik untuk menipu rakyat.

"Untuk memburukkan saya lagi supaya dengan kerana saya dibenci oleh orang, maka pengundi akan mengundi parti Pas," katanya, sambil memberitahu ribuan hadirin bahawa kolumnis Harakah, Subky Latif merupakan calon PAS yang akan menentang beliau di Kubang Pasu.

Sambil menyifatkan keluarganya dijadikan sasaran, Dr Mahathir berkata PAS tergamak menyebarkan dakwaan itu kepada orang yang tidak tahu selok belok perniagaan.

Perdana Menteri juga menafikan kononnya beliau menulis surat kepada Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin supaya mengenakan tekanan terhadap bekas penolong Bank Negara Datuk Murad Khalid supaya menceritakan segala-galanya yang dilakukan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Surat itu ada pada saya, kepala surat pun tak kena, haribulan pun tak kena, tanda tangan pun tak kena," katanya.

-- Bernama

BD MNY MAI